



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

30 Dis 2020 (Rabu)

Berita Harian

PTPTN peruntuk RM96.500 bantu asnaf di Selangor	1
Kualiti air boleh pupuskan hidupan	2
MNS gesa Selangor ambil tindakan drastik	3
130 kawasan di Selangor terjejas	4
Pelan Strategi Pemulihan pacu daya saing PKNS	5

Harian Metro

'Orang lain pun kami minta maaf'	6
Selangor warta 60 peratus perkampungan Orang Asli	7
Tapak tak sesuai	8
Sektor hartanah PKNS kekal berdaya saing	9

Kosmo

Jangan sebab saya menteri baru mahu ambil berat	10
Tuntut ganti rugi atau fail saman	11
Penduduk dakwa ribuan ikan mati sejak seminggu lalu	12

Sinar Harian

MPS hilang hasil RM1.07 juta	13
60 peratus perkampungan orang asli diwartakan	14
MBSJ roboh gerai sebab langgar syarat permit sementara	15
Penjara seumur hidup	16

Selangor TV

Aplikasi SELangkah Selamat, Padam Data Pengguna Selepas 30 Hari	17
Penjawat Awam Selangor Terima BKK Separuh Gaji Hari Ini	18
Sultan Selangor Sumbang 2,080 Naskhah Buku Kepada Pustaka Raja Tun Uda	19
Tiada Kompromi Buat Pencemar Air, Berdepan Penjara Seumur Hidup	20

The Star

PKNS optimistic of staying competitive in property sector	21
Subang jaya promotes holistic development	22
TEMPORARY CLOSURES	23
Easing business processes, improving recreational areas the focus in Kajang	24
Gearing up for monsoon season	25
'Give newly appointed MPS councillors time to adapt'	26
JKR: Public can direct complaints via 11 channels	27
Securing land for Orang Asli in S'gor	28

New Straits Times

MAJOR COURT CASES 2020	29
------------------------	----

Sin Chew Daily

MPSJ demolished 5 illegal buildings, due to violation of temporary hawker permit regulations	30
--	----

Makkal Osai

Jalan Meru market closure extended until January 3	31
--	----



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



Covid-19 pandemic: Panting market closed	32
Malaysia Nanban	
Burst pipe causes unscheduled water cuts in some areas	33
Water disruption continue in Klang Valley	34
Tamil Malar	
Water disruption at Klang, Shah Alam, Petaling Jaya areas!	35
Banting market to be closed until January 7 due to Covid-19 infection	36



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 30 December 2020

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	PTPTN peruntuk RM96.500 bantu asnaf di Selangor
Muka Surat	:	20

PTPTN peruntuk RM96,500 bantu asnaf di Selangor

Shah Alam: Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) memperuntukkan RM96,500 bagi membantu golongan asnaf di Selangor menerusi pengagihan wakalah zakat PTPTN.

Ketua Eksekutif PTPTN, Ahmad Dasuki Abdul Majid, berkata pengagihan itu dilaksanakan dengan kerjasama Lembaga Zakat Selangor (LZS) menerusi program 'Kasihku Zakat Selangor', dalam bentuk akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i).

Justeru, beliau berkata, dua inisiatif bakal dilaksanakan, iaitu Program Pembangunan Pendidikan Asnaf (Fakir dan Miskin) dengan peruntukan RM50,000 membabitkan 500 anak asnaf yang masing-masing akan menerima simpanan SSPN-i berjumlah RM100.

"Program kedua membabitkan pembangunan pendidikan pelajar asnaf Bait Al-Hasanah. Seramai 155 pelajar akan menerima simpanan SSPN-i sebanyak RM300 setiap orang membabitkan peruntukan RM46,500.

"PTPTN ingin memastikan seluruh rakyat Malaysia mendapat akses terbaik melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi dan tiada yang tercicir dalam pendidikan akibat masalah kewangan.

"Diharapkan sumbangan kepada anak asnaf ini dapat menjadi pendorong untuk mereka belajar bersungguh-sungguh dan berjaya dalam hidup, sekali gus dapat keluar daripada kepompong kemiskinan," katanya dalam satu kenyataan bersama LZS.



PTPTN ingin memastikan seluruh rakyat Malaysia dapat akses terbaik melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Ahmad Dasuki Abdul Majid,
Ketua Eksekutif PTPTN

Sementara itu Ketua Pegawai Eksekutif LZS, Saipolyazan M Yusop, berkata Kasihku Zakat Selangor diperkenalkan bagi memberi ruang kepada penguatkuasaan zakat, terutama syarikat korporat, bersama menyantuni keperluan penerima zakat di Selangor.

"Menerusi program ini, syarikat berkaitan boleh memohon agihan semula 3/8 atau 37.5 peratus daripada jumlah bayaran zakat dikeluarkan pada tahun semasa, diagihkan kepada asnaf fakir dan miskin yang berdaftar dengan LZS," katanya.



KERATAN AKHBAR		
30 December 2020		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Kualiti air boleh pupuskan hidupan
Muka Surat	:	22

Susulan pencemaran Sungai Buloh

Kualiti air boleh pupuskan hidupan

Kandungan oksigen terlarut rendah punca kerang berkurangan

Oleh Ilah Hafiz Aziz
 ilahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Selangor: Kandungan oksigen terlarut (DO) yang rendah, iaitu di paras bawah empat ke tiga miligram per liter (mg/L) dipercayai menjadi punca habitat hidupan air khususnya kerang di Sungai Buloh, di Jeram, di sini, semakin berkurangan.

Difahamkan, pengawasan dilakukan pihak berkuasa di sungai itu tahun ini mendapati, kandungan oksigen terlarut berada di antara paras tiga Mg/L ke lima Mg/L dan berkemungkinan lebih rendah.

Ia berikutan sungai berkenaan sudah dikesan tercemar sekitar 10 tahun lalu dan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) juga menjalankan Kajian Kebersihan Sungai Buloh sejak 2012 lagi.

BH difahamkan, dalam pengawasan terbaru dilakukan Jabatan Alam Sekitar (JAS) tahun ini, purata DO Sungai Buloh di bawah paras empat mg/L saja, sekali gus menunjukkan kualiti air begitu terjejas dan bukan hanya mampu mempengaruhi pembiakan dan habitat, malah boleh mengakibatkan kepupusan.

JAS merekodkan DO pada Januari lalu di paras 3.3 mg/L, ma-

nakala Mac (3.6 mg/L), Mei (3.8 Mg/L), Julai (4.1 mg/L) dan November (4.6 mg/L).

Secara umumnya, paras minimum oksigen terlarut yang boleh menyokong pelbagai variasi hidupan akuatik adalah antara empat hingga lima mg/L, tetapi apabila ia turun hingga ke tiga mg/L, populasi ikan bakal terjejas teruk.

Sekiranya pada paras di bawah tiga mg/L pula, terdapat sebilangan ikan dewasa masih kekal hidup, namun proses pembiakan mungkin terhalang oleh keperluan kepada oksigen terlarut yang tinggi untuk telur dan peringkat pembesaran.

Kekurangan DO turut mengakibatkan perubahan habitat yang besar terhadap organisma akuatik, dengan kerang antara spesies sensitif terhadap perubahan kualiti air, ditambah pembentukan lumpur yang tidak sihat akan menyebabkan hidupan itu mati dan bersaiz kecil.

Lebih membimbangkan, pencemaran juga dikhawatiri boleh menjejaskan kesihatan manusia yang mengambil sumber makanan di situ.

Dokumen Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua, Dewan Negeri Selangor Tahun 2019 juga mendedahkan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) memaklumkan sebarang pencemaran di Sungai Buloh dikesan akan memberi implikasi kepada hidupan pesisir pantai khususnya kerang.


Menurut dokumen itu, lembangan Sungai Buloh yang menjadi antara lembangan utama di Selangor mengalami penurunan kualiti air berikutan pembangunan perindustrian dan komersial yang pesat di kawasan persekitarannya.



Keadaan Sungai Buloh yang berwarna gelap dipercayai akibat dicemari sisa pencemaran industri.

Tahap toleransi ikan terhadap paras oksigen terlarut

OKSIGEN TERLARUT (Mg/L)





PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
30 December 2020		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	MNS gesa Selangor ambil tindakan drastik
Muka Surat	:	22

MNS gesa Selangor ambil tindakan drastik

Kuala Selangor: Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) kesal tiada tindakan diambil berhubung pencemaran di Sungai Buloh, Jeram, di sini, walaupun laporan sudah dibuat.

Sehubungan itu, persatuan terbabit mahu kerajaan Selangor mengambil satu tindakan drastik susulan pendedahan mengenai pembuangan empat tan sisa kumbahan sehari ke dalam sungai berkenaan.

Presiden MNS, Prof Dr Ahmad Ismail, berkata pendedahan oleh *BH* mengenai sungai itu sangat mengejutkan, memandangkan ia adalah pintu masuk utama ke destinasi pelancongan terkenal Selangor, SkyMirror Kuala Selangor, selain menjadi Kawasan Penting Burung (IBA) yang diiktiraf dunia.

"Kita sudah lama mengesan pencemaran yang berlaku, tetapi

tiada tindakan lanjut diambil pihak berwajib kerana sungai itu tidak memberi kepentingan besar terhadap sumber air mentah penduduk di Lembah Klang.

"MNS juga sudah menjalankan aktiviti bersama nelayan Sungai Buloh sejak lebih 10 tahun lalu dan sepanjang tempoh program, perubahan kualiti air dapat dilihat sejak 10 tahun dan ia juga sudah dilaporkan," katanya kepada *BH*.

BH sebelum ini mendedahkan, nelayan kerang di Muara Sungai Buloh lebih banyak memperoleh 'hasil' dalam bentuk sampah-sarap sepanjang empat hingga enam jam memerah keringat setiap hari mencari kerang di perairan berhampiran.

Masalah yang memberi kesan kepada habitat air, burung dan ekopelancongan itu dipercayai di-

sebabkan pembuangan sampah yang mencemari sungai terbabit, selain disyaki akibat pelepasan bahan kimia berdasarkan keadaan sungai yang airnya kehitaman, berbau dan seolah berminyak.

Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor turut mendedahkan, kira-kira 4,000 kilogram sisa pepejal tidak terlarut hasil kumbahan serta buangan industri dikesan memasuki Sungai Buloh sepanjang hampir jarak 50 kilometer.

Parameter atau penentu lain turut dikesan menjadi penyebab penurunan kualiti air sungai itu adalah kandungan Oksigen Terlarut, Keperluan Oksigen Biokimia (BOD), Keperluan Oksigen Kimia (COD) dan Ammoniakal Nitrogen.

Mengulas lanjut, Dr Ahmad berkata, kawasan muara sungai dan pantai mempunyai lumpur yang

produktif dan hutan bakau berhampiran penting dalam menjaga ekosistem dengan melindungi hakisan serta habitat kepada organisma marin untuk membiak dan membesar.

Malah, katanya, sungai itu juga sebenarnya menjadi antara destinasi penting penghijrahan ribuan spesies burung, terutama burung hijrah dalam perjalanan ke Selatan.

"Hidupan air seperti ketam, udang, kerang, anak ikan dan cacing menjadi makanan kepada burung pantai terutama burung hijrah.

"Apabila berlaku pencemaran, ia boleh mengganggu ekosistem hutan bakau yang akan memberi kesan terhadap kesihatan dan kelestarian populasi haiwan yang bergantung hidup kepada ekosistem hutan bakau," katanya.



Kita sudah lama mengesan pencemaran yang berlaku, tetapi tiada tindakan lanjut diambil pihak berwajib.

Prof Dr Ahmad Ismail,
 Presiden MNS



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 30 December 2020

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	130 kawasan di Selangor terjejas
Muka Surat	:	29

Gangguan bekalan air tidak berjadual.

130 kawasan di Selangor terjejas

Shah Alam: Sebanyak 130 kawasan di wilayah Klang/Shah Alam dan Petaling mengalami gangguan bekalan air tidak berjadual, mulai jam 1 tengah hari semalam.

Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) dalam satu kenyataan memaklumkan, ia berikutan insiden paip utama pecah di bulatan Persiaran Tengku Ampuan, Seksyen 15, dekat sini.

Susulan itu, katanya, bekalan air akan ditutup pada jam 1 tengah hari bagi memastikan kerja pembaikan berjalan lancar.

"Penutupan bekalan air ini akan menyebabkan gangguan bekalan air tidak berjadual di 58 kawasan di wilayah Klang/Shah Alam dan 72 lagi di Petaling.

"Kerja pembaikan dijangka siap sepenuhnya pada jam 9 malam tadi. Bekalan air akan mula

disalurkan ke premis pengguna selepas kerja pembaikan siap," katanya.

Kenyataan itu memaklumkan, tempoh pemulihan bekalan air adalah berbeza dengan bergantung pada lokasi dan jarak premis pengguna.

Sehubungan itu, pengguna disaran menyimpan bekalan air secukupnya sebelum penutupan dan menggunakan air secara berhemat sepanjang tem-

poh gangguan tidak berjadual terbabit.

"Untuk maklumat lanjut dan status terkini bekalan air, sila layari laman sesawang Air Selangor: www.airselangor.com. Pengguna juga boleh merujuk semua saluran komunikasi rasmi kami seperti aplikasi Air Selangor, Facebook, Instagram dan Twitter atau menghubungi Pusat Perhubungan Air Selangor di talian 15300," katanya.



KERATAN AKHBAR		
30 December 2020		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Pelan Strategi Pemulihan pacu daya saing PKNS
Muka Surat	:	46

Pelan Strategi Pemulihan pacu daya saing PKNS

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) optimis kekal berdaya saing mendepani impak pandemik COVID-19 dalam sektor hartanah dengan menumpukan kepada pelaksanaan Pelan Strategi Pemulihan yang dilancarkan tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutif PKNS, Siti Zubaidah Abd Jabar, berkata ekoran 'kesuraman' sektor hartanah sejak tiga tahun lalu ditambah impak pandemik COVID-19, antara cabaran terbesar dihadapi dalam penjualan hartanah pada masa kini adalah kadar pembatalan tempahan yang tinggi berikutan syarat kelulusan ketat pinjaman.

Kesannya, kata Siti Zubaidah, PKNS mencatatkan simpanan stok hartanah yang tinggi, iaitu 1,297 unit bernilai RM1.1 bilion pada awal tahun ini menyebabkan berlaku kelembapan aliran masuk tunai bagi perbadanan itu.

Bagaimanapun, dengan pelbagai usaha agresif dilakukan PKNS, termasuk konsep pemasaran secara digital, sebanyak 53 peratus daripada jumlah stok hartanah itu berjaya dijual, namun bakinya dilihat masih tinggi.

"Keadaan semasa memberi kesan sangat hebat terhadap semua industri, termasuk sektor harta-



Siti Zubaidah Abd Jabar

nah yang dilihat mengalami penurunan jualan sehingga 19 peratus.

"Bagi mempersiapkan perbadanan ini, kami mengambil langkah melakukan kajian komprehensif terhadap Pelan Strategik 10 Tahun yang bermula tahun ini dengan menghasilkan Pelan Strategik Pemulihan sebagai langkah menangani cabaran yang dijangka dihadapi pada tahun depan dan seterusnya bagi memulihkan kedudukan kewangan serta perniagaan PKNS," katanya.

Justeru, menerusi pelan pemulihan itu, PKNS mengambil langkah meningkatkan prestasi kewangannya secara sistematik, termasuk berkemungkinan mencairkan beberapa aset sedia ada bagi menampung aliran keluar tunai untuk menjana semula pendapatannya.

Ia usaha perbadanan itu untuk menurunkan kos operasi bagi mengurus risiko kewangan dengan lebih baik dan efisien.

"Seterusnya, PKNS akan memperkasa pulangan pelaburan dengan teliti demi menjamin pendapatan pada masa depan dengan memastikan setiap anak syarikat dan projek penswastaaan memberi pulangan pendapatan yang tinggi.

"Perbadanan juga akan memanfaatkan peluang sinergi Kumpulan PKNS sebagai sumber nilai tambah yang akan dijayakan menerusi enam langkah iaitu kerjasama pintar, inisiatif bersasar, dasar dan polisi bersama, pemantauan berterusan pada peringkat anak syarikat, pelan perniagaan lebih jelas serta pembangunan bakat pada peringkat kumpulan," katanya.

Siti Zubaidah berkata, PKNS akan memperkasa pembangunan rumah mampu milik dengan kerjasama rakan strategik menerusi Pelawaan Sebut Harga atau Permintaan untuk Cadangan, melaksanakan pembangunan bersasar khas bagi golongan M40 dan perumahan penjawat awam selain menambah simpanan tanah, termasuk tanah rizab Melayu.

Katanya, tawaran khidmat perunding pinjaman oleh PKNS serta kerjasama dengan pihak

bank turut dilihat dapat membantu pembeli, khususnya golongan B40 memiliki rumah kediaman, pada masa sama, akan mengurangkan jumlah stok hartanah dibangunkan perbadanan itu.

Mengulas lanjut, Siti Zubaidah berkata, walaupun sektor hartanah dikatakan akan pulih dalam tempoh dua hingga tiga tahun lagi, namun PKNS percaya, kaedah pendigitalan hasil impak norma baharu kini adalah praktis terbaik untuk terus meningkatkan tahap kecekapan perbadanan itu, selain mampu mengurangkan kos operasi.

Selain itu, katanya, PKNS akan memperhebatkan konsep jual dan bina untuk menggalakkan peralihan kepada teknologi moden supaya proses reka bentuk serta pembinaan dapat dipercepatkan, yang pada masa sama dapat mengurangkan kos dan meningkatkan kualiti hartanahnya.

Katanya, walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran baharu ekoran impak pandemik COVID-19, namun beliau yakin perancangan jangka pendek itu mampu menjadi ramuan yang terbaik dalam memperkukuhkan semula kedudukan kewangan perbadanan itu bagi mencapai aspirasi Pelan Strategik 10 Tahun.

BERNAMA



KERATAN AKHBAR 30 December 2020		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	'Orang lain pun kami minta maaf'
Muka Surat	:	9

'Orang lain pun kami minta maaf'

Kuala Lumpur: "Tidak ada isu permohonan maaf kepada Khairy (Menteri Sains Teknologi dan Inovasi Khairy Jamaluddin) kerana kita juga ada buat permohonan maaf dalam kes lain sebelum ini. Saya harap ia tidak disensasikan lagi.

"Kalau ikutkan, jalan berlubang ini ada di mana-mana dan saya perlu meminta maaf setiap hari kerana perkara ini. Tetapi kita tumpu untuk pembetulan demi kebaikan bersama," kata Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Eddin Syazlee Shith.

Katanya, isu berkenaan tidak perlu disensasikan kerana tumpuan Jabatan Kerja Raya (JKR) ialah bagaimana untuk menyelesaikan aduan yang diterima untuk penyelesaian rakyat.

Beliau berkata, kementerianannya memerlukan lebih daripada RM1 bilion untuk membaiki jalan berlubang di seluruh negara setiap tahun dan peruntukan sedia ada tidak mencukupi.

Menurutnya, JKR sudah membuat kajian mengenai perkara itu bagi memastikan jalan berlubang dibaiki dengan kadar segera bagi memastikan keselamatan pengguna jalan raya.

"Kita ada aplikasi untuk terima aduan dan memastikan tiada lagi jalan berlubang, tetapi untuk memastikannya ia selesai dalam kadar segera, tak bo-



EDDIN

lelah. Ia mengambil masa.

"Saya secara peribadi berpendapat permohonan maaf itu tidak perlu dibuat secara terbuka sebaliknya hanya ditujukan secara peribadi kepada Khairy sendiri, itu lebih baik.

"Dalam kes di Tebrau tempoh hari, kita ada memohon maaf juga. Saya sendiri turun melihat keadaan di situ. Soalnya bukan kepada menteri saja, kepada orang lain juga minta maaf," katanya kepada Harian Metro.

Ahad lalu, Khairy cedera selepas terjatuh daripada basikal akibat terlanggar lubang di jalan.

Kejadian berlaku di Jalan Kampung Sri Cheeding, Banting, Selangor ketika Ahli Parlimen Rembau itu sedang menunggang basikal di kawasan berkenaan.

Susulan itu, JKR Hulu Langat mengeluarkan kenyataan memohon maaf kepada Khairy yang mendapat kecaman netizen yang menyifatkan ia sebagai lalayan berat sebelah.



KERATAN AKHBAR
30 December 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Selangor warta 60 peratus perkampungan Orang Asli
Muka Surat	:	9

Selangor warta 60 peratus perkampungan Orang Asli

Shah Alam: Kerajaan negeri Selangor mewartakan kira-kira 60 peratus daripada 74 perkampungan Orang Asli di negeri ini, setakat ini bagi mengelakkan ia diceroboh pihak tidak bertanggungjawab.

Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli negeri Hee Loy Sian berkata, 40 peratus lagi pewartaan terhadap perkampungan Orang Asli itu dijangka diselesaikan dalam tempoh tiga tahun lagi.

“Kita perlu segera membuat pewartaan terhadap perkampungan Orang Asli bagi mengelak pihak lain mengambil alih dan menguruskan tanah berkenaan dengan sewenang-wenangnya,” katanya kepada pem-

berita selepas Majlis Penyerahan Peruntukan bagi Persekutuan Agama Kristian Negeri Selangor di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini, semalam.

Beliau berkata, untuk tahun depan, kerajaan negeri memperuntukkan RM1 juta bagi pembangunan Orang Asli merangkumi RM500,000 untuk usaha mewartakan perkampungan golongan berkenaan, manakala RM500,000 lagi bagi menaik taraf infrastruktur mereka.

Terdahulu pada majlis itu, kerajaan negeri menyerahkan peruntukan RM237,200 kepada 23 gereja di Selangor bagi membantu pengurusan rumah ibadat berkenaan menjalankan aktiviti. - Bernama



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 30 December 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Tapak tak sesuai
Muka Surat	:	13

ISU MBSJ ROBOH GERAI

Tapak tak sesuai

Termasuk dalam pelan naik taraf infrastruktur

Oleh Yusmizal
Dolah Aling
yusmizal@
hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Lokasi perniagaan di Bulatan Puchong Permai tidak sesuai sebagai tapak penjaja selain wujud pelanggaran syarat permit sementara seperti gerai di atas rizab jalan dan berstruktur tetap.

Timbalan Pengarah Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), Azfarizal Abdul

Rashid berkata, jalan terbabit juga termasuk dalam pelan menaik taraf infrastruktur yang akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat.

Katanya, MBSJ juga mengambil inisiatif dengan menempatkan semula penjaja terbabit dan memenuhi kriteria di lokasi perniagaan baharu iaitu di struktur berbumbung, Dataran Puchong Permai.

“Dua sesi taklimat bagi tujuan ini turut diadakan pada 1 Oktober 2020 iaitu taklimat perancangan pembangunan dan taklimat pemindahan peniaga

pada 10 Disember 2020.

“MBSJ sudah mengeluarkan Notis Pemberitahuan (Bangunan) pada 24 September 2019 kepada penjaja terbabit diikuti dengan Notis Pemberitahuan Kedua (Bangunan) pada 13 Mei 2020 di bawah kesalahan Seksyen 46 (1) (a) & Seksyen 70 (13) (c), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) untuk meruntuhkan keseluruhan bangunan dalam tempoh 14 hari daripada tarikh notis dikeluarkan,” katanya.

Menurutnya, MBSJ akan meneruskan operasi

bersepadu ini dari semasa ke semasa bagi memastikan peraturan dipatuhi peniaga.

Mengulas operasi perobohan dilakukan kelmarin, Azfarizal berkata, pihaknya merobohkan lima binaan struktur tanpa izin daripada 36 struktur yang dibina di atas rizab jalan.

“Manakala selebihnya pemilik binaan struktur tanpa izin diminta merobohkan sendiri dalam tempoh tujuh hari dan peniaga tidak dibenarkan menjalankan perniagaan dalam tempoh itu,” katanya.



KERATAN AKHBAR		
30 December 2020		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Sektor hartanah PKNS kekal berdaya saing
Muka Surat	:	22

Sektor hartanah PKNS kekal berdaya saing

Shah Alam: Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) optimis kekal berdaya saing mendepani impak pandemik Covid-19 dalam sektor hartanah dengan menumpukan kepada pelaksanaan Pelan Strategi Pemulihan yang dilancarkan tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutif PKNS, Siti Zubaidah Abd Jabar (*gambar*) berkata, ekoran 'kesuraman' sektor hartanah sejak tiga tahun lepas ditambah dengan impak pandemik Covid-19, antara cabaran terbesar dihadapi dalam penjualan hartanah pada masa kini adalah kadar pembatalan tempahan yang tinggi berikutan syarat kelulusan ketat pinjaman.

Kesannya kata Siti Zubaidah, PKNS mencatatkan simpanan stok hartanah

yang tinggi iaitu sebanyak 1,297 unit bernilai RM1.1 bilion pada awal tahun ini menyebabkan berlaku ke-
 lembapan aliran masuk tunai bagi perbadanan itu.

Bagaimanapun, dengan pelbagai usaha agresif dilakukan PKNS termasuk konsep pemasaran secara digital, sebanyak 53 peratus daripada jumlah stok hartanah itu berjaya dijual namun bakinya dilihat masih tinggi.

"Keadaan semasa memberi kesan sangat hebat terhadap semua industri termasuk sektor hartanah yang dilihat mengalami penurunan jualan sehingga 19 peratus.



"Bagi mempersiapkan perbadanan ini, kami mengambil langkah melakukan kajian komprehensif terhadap Pelan Strategik 10 Tahun yang bermula tahun ini dengan menghasilkan Pelan Strategik Pemulihan sebagai langkah menangani cabaran yang dijangka dihadapi pada tahun depan dan seterusnya bagi memulihkan kedudukan kewangan serta perniagaan PKNS," katanya.

Justeru, menerusi pelan pemulihan itu, PKNS mengambil langkah meningkatkan prestasi kewangannya secara sistematik termasuk berkemungkinan mencairkan beberapa aset sedia ada bagi menampung aliran keluar tunai untuk menjana semula pendapatannya.

Ia merupakan usaha perbadanan untuk menurunkan kos operasi bagi mengurus risiko kewangan dengan lebih baik dan efisien.

"Seterusnya, PKNS akan memperkasa pulangan pelaburan dengan teliti demi menjamin pendapatan pada masa depan dengan memastikan setiap anak syarikat dan projek penswastaan memberi pulangan pendapatan yang tinggi," katanya. - Bernama



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 30 December 2020		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Jangan sebab saya menteri baru mahu ambil berat
Muka Surat	:	2

'Jangan sebab saya menteri, baru mahu ambil berat'



KHAIRY JAMALUDDIN berkongsi gambar terbaharunya di laman Instagram kelmarin.

Oleh **NUR HUDA MUSA**

PETALING JAYA - Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin Abu Bakar menjelaskan, tujuan beliau memuat naik insiden terjatuh ketika berbasikal baru-baru ini menerusi Twitter adalah untuk memberi peringatan kepada pengguna jalan raya lain.

Bagaimanapun, Ahli Parlimen Rembau itu berkata, tindakannya mendapat perhatian Jabatan Kerja Raya (JKR).

"Saya berterima kasih kepada JKR kerana peka dengan isu ini, tetapi janganlah hanya disebabkan saya menteri, baru mahu ambil berat.

"Jadi, saya ambil pandangan positif maklum balas pelbagai pihak yang ingin saya kemalangan ketika melalui kawasan mereka supaya tindakan segera dapat diambil.

"Isu pokoknya, masalah jalan berlubang ini memerlukan penyelesaian segera kerana ia



KERATAN Kosmo! semalam.

dekat di hati rakyat.

"Apa yang paling penting ialah jangan biarkan jalan-jalan yang rosak atau berlubang mengambil masa terlalu lama untuk diturap semula," katanya di akaun Facebook Transformasi Bersama KJ malam kelmarin.

Ahad lalu, Khairy Jamaluddin cedera ringan selepas terjatuh basikal akibat terlanggar lubang ketika melakukan aktiviti berbasikal berhampiran Kampung

Sri Cheeding, Banting.

Mengulas mengenai kemalangan itu, Khairy Jamaluddin mengakui beliau tidak nampak lubang pada jalan berkenaan.

"Kalau nampak, boleh elak, tetapi saya yang berbasikal dengan kelajuan maksimum 40 kilometer sejam pun tak nampak. Apatah lagi penunggang motosikal," ujarnya.

Menerusi akaun Instagramnya kelmarin, Khairy Jamaluddin memberitahu, dia sudah dibenarkan keluar hospital, namun gagal mengingat kejadian tersebut kerana mengalami hentakan kuat dan tidak sedarkan diri seurus kemalangan.

Sementara itu, Ketua Pengarah JKR, Datuk Ir. Mohamad Zulkefly Sulaiman berkata, pihaknya mengambil serius komen-komen netizen di media sosial mengenai respons jabatannya terhadap aduan-aduan yang diterima melibatkan isu jalan rosak dan berlubang.

"JKR sentiasa melakukan yang

terbaik dalam memantau keadaan jalan raya di seluruh negara dan setiap aduan yang diterima menjadi keutamaan jabatan dalam memastikan pengguna jalan raya berada dalam keadaan selamat dan selesa.

"Sebarang cadangan dan kritikan membina kami terima dengan hati yang terbuka untuk penambahbaikan dari semasa ke semasa," katanya dalam satu kenyataan.

Di **Ipoh**, JKR Perak menyelesaikan 685 daripada 705 aduan kerosakan jalan di seluruh negeri ini, kata Menteri Besar Perak, Datuk Saarani Mohamad.

Beliau berkata, di daerah Kinta, JKR menerima aduan tertinggi, namun berjaya menyelesaikan 321 daripada 329 aduan kerosakan jalan.

"Di Kuala Kangsar, 27 daripada 28 aduan kerosakan jalan raya sudah berjaya diselesaikan dan di daerah Kampar pula, 14 daripada 15 aduan juga sudah ditangani," ujarnya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
30 December 2020		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Tuntut ganti rugi atau fail saman
Muka Surat	:	2



Tuntut ganti rugi jika terlibat kemalangan akibat jalan rosak

JKR boleh disaman

JALAN raya rosak dan berlubang mendatangkan risiko kemalangan kepada pengguna terutama penunggang motosikal.

MANA MANA individu yang terlibat kemalangan berikutan kecauan pihak tertentu dalam menyelenggara dan membaiki kerosakan jalan raya boleh mengemukakan tuntutan ganti rugi serta memfailkan saman di mahkamah.

Mengikut pakar perundangan, tindakan itu boleh dibuat kepada pihak terlibat seperti Jabatan Kerja Raya (JKR) dan kebarangkalian untuk menang adalah cerah jika mempunyai fakta kes yang kukuh seperti kemalangan berlaku disebabkan kecauan pihak lain.

• BERITA DI MUKA 2

Mangsa kemalangan boleh ambil tindakan terhadap JKR, pihak terlibat

Tuntut ganti rugi atau fail saman

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

PETALING JAYA – Mana-mana individu yang terlibat kemalangan berikutan kecauan pihak tertentu dalam menyelenggara dan membaiki kerosakan jalan raya boleh mengemukakan tuntutan ganti rugi serta memfailkan saman di mahkamah.

Ketua Kluster Tadbir Urus dan Integriti Universiti Utara Malaysia, Prof. Madya Dr. Ahmad Marthada berkata, tuntutan itu boleh dibuat kepada pihak terlibat seperti Jabatan Kerja Raya (JKR) ekoran kecauan tersebut sehingga mendatangkan kecederaan kepada pengguna.

Memutuskan, pengguna jalan raya yang terlibat dalam kemalangan akibat jalan rosak atau berlubang mempunyai asas kukuh untuk membuat tuntutan ganti rugi terhadap pihak yang menyelenggara laluan berkenaan.

"Jika jalan raya yang tidak diselenggara dengan baik itu di bawah pentadbiran JKR, mangsa yang terlibat kemalangan boleh membuat tuntutan ganti rugi dan keputusan sama ada perlu membayar ganti rugi akan ditentukan



JALAN rosak boleh mengakibatkan kemalangan maut kepada penunggang motosikal. GAMBAR HIASAN

oleh jabatan tersebut.

"Tuntutan ganti rugi itu meliputi perbagai kos seperti perubatan, pembayaran wad dan pembaikan kenderaan," katanya kepada Kosmo semalam.

Beliau berkata demikian semasa mengulas tindakan JKR Kuala

Langat meminta maaf kepada Menteri Sains Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin Abu Bakar yang cedera padakening dan hidung akibat terjatuh basikal selepas terlanggar lubang.

Kedua-dua pihak telah berunding dengan Khairy Jamaluddin sedang

Sekiranya JKR tidak mahu melayan tuntutan ganti rugi tersebut, mereka boleh membawa kes itu ke mahkamah sivil dengan memfailkan tuntutan saman."

berbaiklah berhadapan Kampong Sri Cheeding, Banting, Selangor.

Mengulas lanjut, Ahmad memberitahu, sekiranya JKR tidak mahu melayan tuntutan ganti rugi tersebut, mereka boleh membawa kes itu ke mahkamah sivil dengan memfailkan tuntutan saman.

"Pada peringkat ini, ia akan melibatkan perticaraan antara kedua-dua pihak dan sebarang keputusan akan direstui oleh pihak mahkamah," jelasnya.

Mengulas mengenai saman terhadap JKR, Ahmad berkata, difahamkan setakat ini ada tuntutan yang difailkan orang awam

terhadap agensi itu di mahkamah berkaitan kemalangan di jalan Persisiran dan negeri.

"Dalam kes berkaitan, bagi pengendali lebuhraya, ada kes tuntutan saman - dikesan terhadap mereka akibat kemalangan.

"Saman itu memandangkan ada perjanjian yang memerlukan mereka bertanggungjawab atas apa jua yang terjadi berkaitan pengguna membayar tol," katanya.

Sementara itu, peguam bela dan peguam cara, Muhammad Amin Abdullah berkata, tuntutan saman ganti rugi difailkan seseorang individu di mahkamah mempunyai keberangkilan untuk menang.

"Pun begitu, ia perlu mempunyai fakta kes yang kukuh seperti bukti kecederaan serius atau melibatkan kematian yang didakwa berpunca daripada kecauan pihak terlibat termasuklah JKR atau syarikat konsesi lebuhraya.

"Jadi, saya nasihatkan individu yang mahu membuat tuntutan atau failkan saman agar merujuk dengan pihak peguam terlebih dahulu sebelum membuat sebarang keputusan," katanya.



KERATAN AKHBAR 30 December 2020		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Penduduk dakwa ribuan ikan mati sejak seminggu lalu
Muka Surat	:	16

Penduduk dakwa ribuan ikan mati sejak seminggu lalu

PERAK TENGAH – Kejadian ribuan ikan mati di Sungai Tumbuh di sini seperti yang tular di media sosial sejak kelmarin didakwa telah berlaku sejak seminggu yang lalu.

Seorang pemancing yang hanya mahu dikenali sebagai Sadar, 32, berkata, kejadian tersebut disedarinya sejak Rabu lalu ketika mahu memancing di kawasan berkenaan.

“Banyak ikan timbul antaranya baung, lampan, loho dan patin. Kalau memancing pun ikan tidak bermain dengan umpan. Tidak pasti apakah punca kejadian ini berlaku,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

Pemancing lain yang mahu dikenali sebagai Shamsul, 25, berkata, ini kali pertama kejadian seumpama itu berlaku.

“Saya sudah lama memancing di kawasan ini kerana ikannya banyak dan bersaiz besar. Kejadian yang berlaku ini disedari sejak seminggu lalu” ujarnya.

Sementara itu, penduduk tempatan yang ditemui mengaku kawasan berkenaan kaya dengan pelbagai spesies ikan dan insiden berkenaan memberi kesan kepada nelayan darat yang bergantung hasil pendapatan dari sungai berkenaan.

Dalam pada itu, Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Perak, Rosli Zul meminta penduduk



RIBUAN ikan di Sungai Tumbuh mati dipercayai kesan pencemaran air di sungai berkenaan sejak minggu lalu.



KERATAN Kosmo! 29 Disember 2020.

di kawasan berhampiran Sungai Tumbuh agar menghentikan sementara sebarang aktiviti atas faktor keselamatan ekoran analisa sampel air belum diperolehi pihaknya.

Sementara itu, Pengarah Perikanan Perak, Zaki Mokri berkata, Sungai Tumbuh juga menerima aliran air dari bekas lombong sekitar Seri Iskandar.

“Kami tidak menolak kemungkinan (kejadian ikan mati) juga mungkin berpunca dari air yang tercemar dari bekas-bekas lombong di kawasan itu kerana lokasinya berdekatan,” jelasnya.

Kosmo! semalam melaporkan, JAS Perak sedang menjalankan siasatan terperinci bagi mengenal pasti punca ribuan ikan mati di Sungai Tumbuh dekat Kampung Gajah di sini.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 30 December 2020		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	MPS hilang hasil RM1.07 juta
Muka Surat	:	13

MPS hilang hasil RM1.07 juta

SELAYANG - Majlis Perbandaran Selayang (MPS) kehilangan hasil sebanyak RM1.07 juta selepas pelaksanaan pengecualian bayaran sewaan gerai kepada seramai 1,800 penyewa pada April dan Mei lalu ekoran pandemik Covid-19.

Yang Dipertua MPS, Shamsul Shahril Badliza Mohd Noor berkata, MPS juga kehilangan hasil caj lewat sebanyak RM957,564 berikutan arahan pengecualian yang diberikan oleh kerajaan negeri.

Menurutnya, MPS turut menawarkan pengurangan waran tahan sebanyak RM2.7 juta dan caj lewat sebanyak RM300 bagi kempen bayar tunggakan cukai taksiran kawasan kampung serta kos rendah bagi membolehkan pemilik membuat bayaran tertunggak.

“Covid-19 juga menjejaskan sektor pelancongan di kawasan pentadbiran MPS apabila 80 peratus pengunjung berkurang semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

“Setelah PKP dilonggarkan, MPS membenarkan beberapa kawasan dibuka seperti di Taman Ekstrem Gua Damai bagi aktiviti *rock climbing* tetapi perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan,” katanya dalam Mesyuarat Penuh Bulanan MPS di sini pada Selasa.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR **30 December 2020**

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	60 peratus perkampungan orang asli diwartakan
Muka Surat	:	24

60 peratus perkampungan orang asli diwartakan

SHAH ALAM - Sebanyak 60 peratus daripada 74 perkampungan orang asli di negeri Selangor telah melalui proses pewartaan tanah hasil bantuan daripada kerajaan negeri.

Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau serta Hal Ehwal Orang Asal Selangor, Hee Loy Sian berkata, kerajaan negeri juga akan memberi fokus bagi menyelesaikan status pewartaan baki semua tanah-tanah di perkampungan terlibat dalam tempoh tiga tahun.

Beliau berkata, kerajaan negeri juga mengambil inisiatif bagi mengekalkan peruntukan sebanyak RM1 juta pada tahun depan bagi pembangunan orang asli dan pewartaan tanah kampung-kampung terlibat.

“Kita akan menjalankan pewartaan tanah-tanah di perkampungan orang asli secara berperingkat selepas ini,” katanya di sini pada Selasa.

Mengulas lanjut, Loy Sian berkata, kerajaan Selangor perlu segera membantu bagi menyelesaikan pewartaan baki tanah-tanah di perkampungan terlibat memandangkan ia sentiasa menjadi sasaran pihak-pihak tertentu.

Tambahnya, proses pewartaan tanah itu turut berdepan beberapa masalah berikutan ada di antaranya bertindih dengan tanah hak milik persendirian.

“Kalau tanah itu berada di rizab kerajaan atau hutan simpan kekal, tak ada masalah tapi kalau terletak di tanah hak milik, prosesnya sukar sikit malah ada yang sampai ke mahkamah,” katanya.



KERATAN AKHBAR		
30 December 2020		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	MBSJ roboh gerai sebab langgar syarat permit sementara
Muka Surat	:	24

MBSJ roboh gerai sebab langgar syarat permit sementara

SUBANG JAYA - Tindakan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) merobohkan gerai berhampiran Jalan Taqwa, Persiaran Puchong Permai pada Isnin berikutan terdapat pelanggaran syarat permit sementara oleh penjaja terlibat.

Timbalan Pengarah Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik MBSJ, Azfarizal Abdul Rashid berkata, langkah itu diambil selepas gerai-gerai berkenaan didapati didirikan di atas tanah rizab jalan dan berstruktur tetap.

Selain itu, beliau berkata, operasi bersepadu dan tindakan perobohan itu juga dilakukan berikutan lokasi gerai berkenaan yang tidak bersesuaian.

“Jalan tersebut telah disenaraikan dalam Pelan Menaik taraf Infrastruktur melibatkan kerja turapan, median dan *side kerb* serta *anti-climbing fencing*.

“Kerja naik taraf itu juga akan dilaksana

dalam masa terdekat,” katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Pada Isnin, *Sinar Harian* melaporkan mengenai tindakan MBSJ merobohkan gerai di lokasi berkenaan yang sebelum ini didakwa menjadi punca kepada isu kesesakan di kawasan itu.

Dalam pada itu, Azfarizal berkata, MBSJ juga mengambil inisiatif bagi menempatkan semula penjaja terlibat di lokasi baharu berbumbung di Dataran Puchong Permai.

“Dua sesi taklimat bagi tujuan ini turut diadakan pada 1 Oktober lalu melibatkan taklimat perancangan pembangunan dan taklimat pemindahan peniaga pada 10 Disember lalu,” katanya.

Mengenai operasi itu, Azfarizal berkata, MBSJ meruntuhkan lima daripada 36 struktur tanpa izin yang dibina di atas rizab jalan dan melanggar syarat ditetapkan.

Tambahnya, tindakan ini diambil di bawah Seksyen 46 (1) (a) & 70 (1) (c), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133).

Laporan *Sinar Harian* pada Isnin.





KERATAN AKHBAR		
30 December 2020		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Penjara seumur hidup
Muka Surat	:	24

Penjara seumur hidup

Amaran kerajaan
 Selangor jika
 sabotaj sumber air

Oleh ASYRAF MUHAMMAD

SHAH ALAM

Kerajaan Selangor memberi amaran hukuman penjara seumur hidup boleh dikenakan terhadap pihak atau individu yang sengaja melakukan sabotaj sehingga menyebabkan pencemaran di sungai-sungai utama di negeri itu.

Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau serta Hal Ehwal Orang Asal Selangor, Hee Loy Sian berkata, pihak terlibat perlu bersedia dengan hukuman tegas yang bakal dikenakan ke atas mereka susulan daripada tindakan tersebut.

Katanya, menerusi perkembangan kes pencemaran di Sungai Selangor sebelum ini, suspek terlibat dituduh di bawah Seksyen 124 Kanun Keseksaan (Akta 574) yang merupakan satu hukuman tegas ke atas pesalah.

“Pesalah di bawah seksyen ini akan dikenakan penjara seumur hidup dan oleh sebab itu, saya bagi amaran kepada pihak yang ingin



Loy Sian (kiri) menyampaikan sumbangan kepada seorang wakil persatuan pada Majlis Penyerahan Peruntukan Bagi Badan Agama Kristian Selangor di Bilik MTES di Shah Alam pada Selasa.

melakukan pencemaran agar berfikir dahulu sebelum bertindak,” katanya pada sidang akhbar pada Majlis Penyerahan Peruntukan Bagi Badan Agama Kristian Selangor di Bilik Majlis Gerakan Ekonomi Selangor (MTES) pada Selasa.

Sebelum ini, dua lelaki menjadi individu pertama berdepan hukuman penjara seumur hidup apabila didakwa atas pertuduhan melakukan sabotaj kepada perkhidmatan air dan lima pertuduhan lain berhubung pencemaran Sungai Selangor.

Kontraktor jalan, R Nathan, 43, dan pengarah sebuah syarikat, Lim Kian Aik, 42, mengaku tidak ber-

salah terhadap semua pertuduhan dibaca di hadapan Hakim Maziah Joary Mohd Tajudin.

Selain itu, mahkamah turut menetapkan 8 Januari depan sebagai sebutan semula kes.

Dalam pada itu, Loy Sian berkata, menerusi penguatkuasaan fasa kedua operasi premis haram yang dijalankan selepas ini, pihaknya akan memberi fokus di ladang ternakan sekitar Kajang yang menjadi punca kepada pencemaran.

“Kita akan robohkan mana-mana premis yang berpotensi menyebabkan pencemaran di sungai utama sekitar Selangor,” katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
29 December 2020

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Aplikasi SELangkah Selamat, Padam Data Pengguna Selepas 30 Hari
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
29 December 2020

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Penjawat Awam Selangor Terima BKK Separuh Gaji Hari Ini
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
29 December 2020

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Sultan Selangor Sumbang 2,080 Naskhah Buku Kepada Pustaka Raja Tun Uda
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
29 December 2020

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Tiada Kompromi Buat Pencemar Air, Berdepan Penjara Seumur Hidup
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 30 December 2020		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	PKNS optimistic of staying competitive in property sector
Muka Surat	:	2

PKNS optimistic of staying competitive in property sector

SHAH ALAM: The Selangor State Development Corp (PKNS) is optimistic of remaining competitive in the property sector amid the Covid-19 pandemic through the Strategic Recovery Plan launched earlier this year.

Chief executive officer Siti Zubaidah Abd Jabar said following the depressed property sector over the last three years coupled with the impact of Covid-19 pandemic, the biggest

challenges in selling properties today included the high rate of booking cancellations due to strict loan approval conditions.

This, she said, had led to PKNS recording a high property inventory of 1,297 units worth RM1.1bil early this year, resulting in reduced cash flow for the corporation.

However, following PKNS's various aggressive efforts including through digital marketing, 53% of the units had been sold, she said,

adding that the remaining amount was still considered high.

"The current situation has had a huge impact on all industries including the real estate sector, which saw up to a 19% drop in sales. We took steps to conduct a comprehensive study on the 10-year strategic plan which started this year by producing a Strategic Recovery Plan as a measure to address the challenges expected for next year and restore

PKNS's financial position and business," she told *Bernama*.

She said through the plan, PKNS would take measures to improve its financial performance systematically including possibly liquidating some existing assets to cover cash outflow in order to regenerate income.

Siti Zubaidah said it was an effort by the corporation to reduce operating costs and manage financial risks better. — *Bernama*



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
30 December 2020		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Subang jaya promotes holistic development
Muka Surat	:	2



Year that was: The Subang Jaya City Council headquarters following a facelift to reflect its new status. (Right) Residents near Plaza Hentian Kajang were placed under lockdown from Oct 28 to Nov 24.



Subang Jaya promotes holistic development

From upgrading infrastructure for the disabled to setting up a soup kitchen, the community's needs were foremost in Selangor's newest city

By JADE CHAN
 johor@the-star.com.my

SEBANG Jaya gained city status this year with an official declaration by Sultan of Selangor Sultan Ibrahim Sultan Iskandar on Oct 26. A grand ceremony that was scheduled to be held at Dewan Jaka Perak in Shah Alam, had been postponed to a later date. Due to the conditional movement control order imposed on the area.

The endorsement of the proposal by Nurwan Ibrahim, who heads the Subang Jaya City Council (MBSJ), will also be held at a later date in Jalan Bukit Karyigin, Shah Alam.

Along with the name change from Subang Jaya Municipal Council (MBSJ) to MBSJ, the city council also unveiled a new logo with its brand colour consisting of vibrant, white, blue and green, representing urban, industrial development and a clean administration.

MBSJ's administration area spans 16,000 hectares, covering Kiriara, Puchong, Putra Heights, Seri Kembangan, Seri Serdang, Subang Jaya as well as parts of neighbouring Batu Tiga.

The international award-winning UN-Habitat executive director Danae Sorri Mahmud Mohd Sharif (left) presenting the 2020 UN-Habitat World of Tomorrow Award to Nurwan Ibrahim.

Subang Jaya had been a municipality for 23 years before becoming the third city council in Selangor, after Petaling Jaya and Shah Alam, and 17th in Malaysia. In January 1997, Subang Jaya was carved out from the then Petaling Jaya District Council and upgraded to a municipality.

